

Pertingkatkan potensi wakaf korporat pacu kehidupan lestari

- Sifat wakaf korporat mempunyai sumber kewangan lestari, mampu memberi kesan berkekalan kepada masyarakat dengan mewujudkan peluang, memperbaiki keadaan hidup dan memperkasakan komuniti terpinggir
- Wakaf korporat memberikan fleksibiliti kewangan kepada pihak korporat meneroka pendekatan, teknologi dan strategi baharu mampu meningkatkan keberkesanan serta kecekapan program menjana dana wakaf

Oleh Dr Mohd Zaidi Md Zahri
bhrencana@bh.com.my



Setiasaha Majlis Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (ICIFE)

Pada 11 Mei lalu, FELDA memperkenalkan inisiatif Wakaf Tandan Sawit bagi membolehkan warga peneroka menyumbang kepada institusi wakaf di bawah pengawasan FELDA iaitu Waqaf FELDA.

Menariknya, ia adalah inisiatif organik diilhamkan peneroka FELDA khususnya di FELDA Kerteh 6, Terengganu yang mewakafkan tandan sawit dan nilai jualannya disalurkan kepada Waqaf FELDA.

Inisiatif wakaf tandan ini dilaksanakan melalui permohonan wakaf dikemukakan peneroka kepada FELDA dengan menyata-

kan bilangan tandan sawit segar sebelum dihantar ke kilang.

Bilangan tandan sawit masak kemudian diasing, ditimbang dan nilainya dipindahkan ke akaun Waqaf FELDA bagi peneroka. Pihak Waqaf FELDA menyasarkan kutipan hampir RM20 juta setahun menerusi inisiatif wakaf tandan sawit ini.

Umum mengetahui kelestarian kewangan adalah cabaran utama bagi institusi wakaf di Malaysia. Permasalahan ini sering berpunca daripada pendapatan dijana aset wakaf tidak mencukupi untuk menampung kos penyelenggaraan, projek pembangunan dan program kemasyarakatan.

Selain itu, jalur pelaburan terhad dan strategi pelaburan konservatif menghasilkan pulangan tidak optimum ke atas aset wakaf yang kemudian menyekat pertumbuhan dan pelaksanaan inisiatif wakaf.

Di Malaysia, wakaf korporat merujuk penubuhan aset wakaf syarikat atau perniagaan untuk menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat.

Wakaf korporat juga membolehkan syarikat korporat terbabit sama menggembleng sumber mereka, sama ada kewangan, aset fizikal atau kepakaran untuk manfaat lebih besar kepada masyarakat Islam.

Bentuk wakaf ini memastikan keuntungan dijana wakaf, disalurkan kepada pelbagai tujuan kebajikan seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, pembasmian kemiskinan dan pembangunan masyarakat.

Inisiatif wakaf korporat di Malaysia dipelopori Johor Corporation (JCorp) melalui Pengurusan Klinik Waqaf An-Nur Berhad.

JCorp adalah konglomerat milik kerajaan Johor melaksanakan model wakaf korporat untuk menggabungkan aktiviti perniagaan dengan usaha dermawan.

Pendapatan dijana daripada pelaburan saham berkualiti dan sewaan premis komersial kemudian digunakan untuk pelbagai tujuan kebajikan selari dengan prinsip Islam, seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan pembangunan masyarakat. Sejak penubuhannya pada 2000, aset Wakaf An-Nur kini menghampiri RM1 bilion iaitu RM834 juta.

Wakaf korporat berpotensi besar menggalakkan pembangunan sosial mampan. Asbab sifat wakaf korporat mempunyai sumber kewangan lestari, inisiatif sebegini ini boleh memberi kesan berkekalan kepada masyarakat dengan mewujudkan peluang kerja, memperbaiki keadaan hidup dan memperkasakan komuniti terpinggir.

Selain itu, kelestarian kewangan wakaf korporat juga memudahkan pewakaf menyesuaikan diri dengan

perubahan keperluan dan keadaan masyarakat. Fleksibiliti dalam pengurusan dan penggunaan aset wakaf dapat memastikan ia terus relevan serta berkesan dari semasa ke semasa.

Sebagai contoh, disebabkan desakan ekonomi kini, kita berhadapan cabaran sosiodemografi memerlukan kedua-dua ibu bapa mencari nafkah.

Ini menyebabkan anak pulang ke rumah tanpa pengawasan orang dewasa. Sebagai langkah proaktif, dana wakaf korporat dapat digembleng untuk menyediakan program makanan sihat dan aktiviti lepas sekolah di projek perumahan rakyat bagi memastikan, terutama anak B40 tidak ketinggalan dari segi pelajaran dan nutrisi.

Pendanaan wakaf korporat

Kelestarian pendanaan wakaf korporat juga boleh membantu syarikat korporat terus memberikan komitmen jangka panjang kepada projek tanggungjawab sosial mereka.

Kelestarian pendanaan ini berpunca daripada sifat wakaf korporat direka bentuk untuk menjadi wakaf berterusan melalui pemeliharaan prinsipal dan hanya pulangan dijana digunakan untuk tujuan amal.

Pulangan dana wakaf korporat lestari menyediakan kestabilan dan kebolehramalan, membolehkan pihak korporat merancang dan melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial dalam jangka panjang.

Kelestarian sebegini membolehkan mereka membuat keputusan strategik dan memperuntukkan sumber dengan berkesan serta mengetahui dana bakal tersedia secara konsisten.

Inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) juga memerlukan pelaburan dan komitmen berterusan untuk memberi impak bermakna.

Menerusi sumber pembiayaan lestari daripada wakaf korporat, organisasi boleh memastikan kesinambungan program mereka, sekali gus mengelak pemberhentian inisiatif berimpak tinggi dek kekangan kewangan.

Kelestarian sumber dana ini juga dapat membantu mengekalkan momentum inisiatif dan memberikan manfaat berterusan kepada komuniti dan pihak berkepentingan.

Pendanaan wakaf korporat lestari juga membolehkan inisiatif CSR dipertingkatkan dari segi jangkauan dan impak. Jika sesuatu inisiatif berjaya dilaksanakan dalam skala kecil, sumber pendanaan lestari daripada wakaf korporat membolehkan pihak korporat meluaskan skop program mereka menjangkau lebih ramai penerima manfaat selain

menangani cabaran sosial dan alam sekitar lebih luas.

Selain itu, sumber pembiayaan mampan membolehkan sesebuah organisasi mencapai matlamat bercita-cita tinggi dan melaksanakan projek berskala lebih besar memungkinkan pemacuan perubahan positif pada skala lebih besar.

Di samping itu, sifat pendanaan wakaf korporat lestari bakal memperkasakan organisasi untuk melabur dalam inovasi dalam inisiatif CSR mereka.

Wakaf korporat memberikan fleksibiliti kewangan kepada pihak korporat meneroka pendekatan, teknologi dan strategi baharu mampu meningkatkan keberkesanan dan kecekapan program menjana dana wakaf.

Hal ini juga membolehkan organisasi menyesuaikan diri dengan keperluan masyarakat berubah-ubah, mendakap aliran baharu dan mencari penyelesaian inovatif kepada cabaran kompleks.

Selain itu, pendanaan wakaf korporat mampan bakal memperkukuh akauntabiliti dan ketelusan dalam inisiatif CSR. Pihak korporat boleh memperuntukkan sumber kepada sistem pemantauan, penilaian dan pelaporan mantap menjejaki kemajuan dan hasil program mereka.

Ketelusan sebegini membolehkan mereka menunjukkan penggunaan dana berkesan dan impak dicapai serta membina kepercayaan pihak berkepentingan.

Justeru, semua pihak berkepentingan dalam ekosistem wakaf termasuk pewakaf, pentadbir wakaf, penerima manfaat wakaf, majlis agama Islam negeri (MAIN), institusi kewangan dan masyarakat harus menggembleng tenaga mendukung agenda besar wakaf sebagai salah satu wahana utama menjayakan aspirasi Malaysia MADANI.

Wakaf korporat juga membolehkan syarikat korporat terbabit sama menggembleng sumber mereka, sama ada kewangan, aset fizikal atau kepakaran untuk manfaat lebih besar kepada masyarakat Islam

